

31 DEC 1998

Cuti

TERENGGANU CUTI HARI SABTU KERANA TIDAK MAHU GANGGU CUTI SEKOLAH

KUALA TERENGGANU, 31 Dis (Bernama) -- Terengganu menetapkan hari Sabtu sebagai cuti bulanan bagi kakitangan kerajaan negeri kerana hari Khamis tidak sesuai disebabkan ia hari persekolahan, kata Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran) Datuk Syed Ahmad Syed Kassim hari ini.

Katanya keputusan itu dianggap sesuai dengan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikan cuti bulanan itu bagi menggalakkan pelancongan dalam negeri dan mewujudkan masyarakat penyayang.

"Kalau di Pantai Barat, hari Sabtu tidak bersekolah dan ia memanglah sesuai tetapi di Terengganu kita beranggapan adalah tidak rasional sama sekali kerana ia jatuh pada hari persekolahan," katanya ketika dihubungi Bernama di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan Bernama semalam mengenai rungutan kakitangan awam berikutan langkah kerajaan negeri menetapkan hari Sabtu sebagai cuti bulanan bagi perkhidmatan awam negeri.

Langkah kerajaan negeri itu berbeza dengan kenyataan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Datuk Samsuddin Osman pada 21 Dis bahawa cuti bulanan bagi negeri-negeri yang cuti mingguannya hari Ahad ialah hari Sabtu manakala negeri yang cuti umumnya hari Jumaat, cuti bulanannya ialah hari Khamis. Cuti umum di negeri Terengganu ialah hari Jumaat.

Syed Ahmad berkata keputusan kerajaan negeri itu tidak bertentangan dengan pekelliling JPA kerana dalam pekelliling itu ada menyebut bahawa keputusan cuti tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

Ditanya mengenai kemungkinan berlakunya kesulitan kepada orang ramai untuk berurusan dengan agensi kerajaan akibat tindakan berbeza itu, beliau berkata ia mungkin hanya masalah sementara.

Ini bermakna Terengganu akan menghadapi tiga hari cuti pada minggu pertama setiap bulan iaitu hari Khamis bagi kakitangan kerajaan persekutuan, hari Jumaat sebagai cuti umum dan hari Sabtu bagi kakitangan kerajaan negeri.

-- BERNAMA

AYB RON